



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA
YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2024**

Kuala Lumpur, 17 Julai 2024 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2024 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) kepada empat belas (14) penerima iaitu tujuh (7) orang di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan tujuh (7) orang di peringkat Sarjana (Penyelidikan).

Dua (2) orang penerima akan melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara, manakala 12 orang penerima lagi akan melanjutkan pengajian di universiti penyelidikan tempatan.

YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkata, biasiswa berprestij yang mula diperkenalkan pada tahun 2006 ini menaja calon berprestasi tinggi dalam akademik dan bukan akademik (ko-kurikulum) seperti terlibat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan menghasilkan kerja-kerja kreatif serta inovatif.

Sehingga tahun 2024 sebanyak 19 sesi penawaran telah dilaksanakan dengan seramai 212 warganegara Malaysia menerima penajaan BYDPA iaitu 107 orang di peringkat Ph.D dan 105 orang di peringkat Sarjana untuk pengajian dalam bidang Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang, Kewangan Islam, manakala penambahan pada tahun ini dalam bidang Kecerdasan Buatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menjunjung kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim atas perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku menyempurnakan Majlis Penganugerahan BYDPA Tahun 2024.

JPA merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima BYDPA Tahun 2024. Diharapkan kesemua penerima dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dan seterusnya memberikan sumbangan kembali kepada negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 17 Julai 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (69)

SENARAI PENERIMA BYDPA TAHUN 2024

PENERIMA PENAJAAN DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

BIL.	NAMA & UNIVERSITI	BIDANG PENGAJIAN
1.	Nadrahtul Aqilah binti Mohd Yahaya Imperial College London	Fizik (S&T)
2.	Alyssa April Dellow Universiti Kebangsaan Malaysia	<i>Data Science</i> (S&T)
3.	Muhammad Aiman bin Mohd Sukiman Universiti Teknologi Malaysia	Persekutaran (S&T)
4.	Toh Shek Man Universiti Putra Malaysia	<i>Cancer Pharmacology</i> (S&T)
5.	Avinash a/l Kumaresan Universiti Kebangsaan Malaysia	<i>Nanotechnology</i> (S&T)
6.	Tuan Muhammad Faris Hamzi bin Tuan Ibrahim Universiti Teknologi Malaysia	Undang-undang
7.	Jankin Abdul Rahman Universiti Putra Malaysia	Ekonomi

PENERIMA PENAJAAN SARJANA (PENYELIDIKAN)

BIL.	NAMA & UNIVERSITI	BIDANG PENGAJIAN
1.	Ahmad Qayyum Fikri bin Ahmad Jazimin Universiti Putra Malaysia	<i>Computer Vision</i> (AI)
2.	Nur Addina binti Mohamad Rosli Universiti Putra Malaysia	Pemakanan (S&T)
3.	Jeyrubini a/p Ramesh Universiti Sains Malaysia	<i>Molecular Omics Technology</i> (S&T)
4.	Nasihah binti Mohd Zahid Universiti Sains Malaysia	<i>Nanotechnology</i> (S&T)
5.	Adam Fansuri bin Achdiat Mahpha Fansuri Imperial College London	<i>Bioinformatics & Biocomputing</i> (S&T)
6.	Muhammad Izzuddin bin Abdullah Universiti Malaya	Biokimia (S&T)
7.	Nur Fatin Fitriah binti Nordin Universiti Putra Malaysia	<i>Machine Learning</i> (AI)